

SURAT DARIPADA PENERUS



TAN SRI SAW HUAT LYE • Pengerusi

SYABAS UNTUK SATU LAGI TAHUN CEMERLANG!

Pemegang saham yang dihargai,

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa Guinness Anchor Berhad sekali lagi telah mencapai prestasi kewangan yang membanggakan dengan keuntungan sebelum cukai mencecah RM107.363 juta. Angka ini menunjukkan kenaikan 14.6 peratus daripada RM93.718 juta yang dicatat pada tahun sebelumnya. Keuntungan ini diperolehi daripada hasil pendapatan kumpulan berjumlah RM725.371 juta, meningkat sebanyak 3.4 peratus daripada tahun sebelumnya.

Persaingan yang amat sengit dan keadaan ekonomi yang mencabar pada tahun kewangan dalam tinjauan menjadikan pencapaian ini lebih penting lagi. Ia adalah hasil daripada kesungguhan kami mengawal kos dan meningkatkan keberkesanan organisasi serta pengurusan portfolio jenama kami yang tersendiri.

Lebih membanggakan, keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi ini dicapai walaupun pemulihan ekonomi adalah sederhana dan semua keadaan lain masih tidak berubah. Penyeludupan tetap berterusan walaupun serbuan ke atas pasaran gelap bir diperhebatkan, dan import jenama Asean yang menawarkan harga lebih rendah semakin melemaskan pasaran arak malt yang memang sudah menghadapi cabaran getir.



SURAT DARIPADA PENERUSI

Namun, aktiviti pemasaran dan promosi secara agresif yang dijalankan oleh industri membolehkan pasaran arak malt mencatat pertumbuhan kecil lebih satu peratus. Kegiatan pemasaran dan promosi, serta perayaan akhir tahun dan Tahun Baru Cina sepatutnya membolehkan pasaran arak malt mencatat prestasi yang lebih baik, tetapi peperangan di Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang melumpuhkan industri pelancongan kita telah menyebabkan kami menerima kesan teruk.

Kami berjaya mengatasi cabaran-cabaran ini dengan menggunakan kelebihan daripada kepelbagaian portfolio jenama dan keberkesanan organisasi kami. Pelancaran fasa satu sistem automasi breweri juga membantu syarikat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kos. Menerusi pengurusan portfolio jenama secara khusus, kami meningkatkan paparan produk, memperkembangkan sistem pengedaran dengan tumpuan kepada saluran pemasaran yang betul, dan terus menjamin kualiti dan kesegaran produk kami.


Jualan dua jenama utama kami – Tiger, salah satu jenama bir yang mencatat pertumbuhan paling pesat di Asia dan Heineken, jenama premium antarabangsa No 1 – mencatat pertumbuhan dua angka bagi tahun kedua berturut-turut. Kedua-dua jenama bir ini mengetuai 'serangan' yang membolehkan kami meluaskan penguasaan pasaran.

Dalam pasaran stout, kami mengukuhkan kedudukan kami menerusi kempen bertema baru, yang memaparkan Guinness sebagai minuman untuk individu yang mempunyai keyakinan diri dan keazaman untuk mencapai impian dan menyahut cabaran. Kempen ini telah disusuli dengan pertukaran imej baru yang menarik, memaparkan kehebatan dan keperisaan stout dalam botol yang lebih ramping dan kontemporari. Imej baru ini mencerminkan keyakinan, kemodenan dan keberanian – nilai-nilai yang disanjung oleh generasi pengguna hari ini.

Anchor, bir tempatan yang berkualiti dan digemari, juga menjalani proses pelancaran semula untuk memberikan gaya baru yang kontemporari. Dengan pertukaran nama kepada Anchor Smooth, bir yang mempunyai peminat setianya sendiri ini bersedia memainkan peranan lebih penting untuk menyokong usaha meningkatkan bahagian pasaran kami.



Menghargai pekerja-pekerja lama



Menyiapkan produk untuk pasaran



SURAT DARIPADA PENERUS

Di peringkat korporat, Guinness Anchor Berhad telah menerima pengiktirafan sewajarnya sebagai syarikat yang memberi nilai tinggi kepada pemegang saham. Kami menduduki tempat ke-6 dalam kelompok 75 syarikat tersenarai yang ditarafkan oleh KPMG/The Edge sebagai syarikat teratas dari segi penciptaan nilai pemegang saham, diukur berasaskan keuntungan ekonomi sebagai peratusan modal yang dilaburkan.

Tinjauan ke hadapan menunjukkan tahun kewangan semasa tidak mungkin jauh berbeza daripada tahun kewangan yang baru berakhir. Prospek iklim ekonomi yang lebih baik mungkin meningkatkan pertumbuhan pasaran arak malt. Bagaimanapun, pasaran dijangka akan terus kompetitif. Kenaikan 10 peratus duti eksais baru-baru ini pasti meningkatkan cabaran terhadap prospek kewangan kami bagi tahun akan datang.

Selaras dengan keputusan kewangan yang baik ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir kasar 12 sen dan dividen akhir istimewa kasar 12 sen bagi setiap unit saham 50 sen ditolak cukai pendapatan Singapura pada kadar 22 peratus. Ini akan menjadikan jumlah dividen kasar bagi tahun kewangan kepada 36 sen bagi setiap unit saham 50 sen.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan, perlantikan Theo A F de Rond sebagai Pengarah Urusan baru kami. Theo, dahulunya Pengarah Pemasaran Korporat di Heineken NV, membawa bersamanya pengalaman lebih 24 tahun dalam Kumpulan. Saya yakin, dengan pengalamannya yang begitu luas, beliau akan dapat menjanakan kejayaan yang lebih besar bagi Guinness Anchor Berhad.

Pada masa yang sama, saya ingin mengucapkan selamat jalan kepada Jac van Herpen, bekas Pengarah Urusan kami, yang telah kembali ke Heineken NV di negara Belanda untuk memegang jawatan baru sebagai Pengarah Jenama Korporat. Kami amat berhutang budi kepada Jac. Sepanjang 2½ tahun di sini, beliau banyak berjasa kepada syarikat. Bagi pihak syarikat, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Jac dan keluarganya dalam kehidupan mereka di negara Belanda.



Meraikan kejayaan dan perayaan



SURAT DARIPADA PENERUSI

Kepada David Charles Craig, kami mengucapkan selamat bersara daripada Lembaga Pengarah. Ucapan selamat datang pula kami tujukan kepada penggantinya, John Irving, yang telah menyertai kami pada bulan September.

Akhir kata, bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan dan kakitangan Guinness Anchor Berhad kerana dedikasi dan komitmen mereka yang membolehkan syarikat berada di tempatnya sekarang. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan kami, istimewanya kepada anda sebagai pemegang saham kami, kerana sokongan anda yang tidak berbelah bahagi kepada syarikat. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pengedar, peruncit dan pembekal yang sentiasa menyokong kami. Paling penting sekali, kami tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua pengguna yang begitu setia kepada jenama-jenama kami.

Tan Sri Saw Huat Lye
Pengerusi
30 September 2003